

CERAMAH KESELAMATAN PENCEGAHAN JENAYAH DAN KESELAMATAN JALANRAYA SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3579-ceramah-keselamatan-pencegahan-jenayah-dan-keselamatan-jalanraya-sempena-sambutan-hari-raya-aidilfitri

KUANTAN, 11 Jun 18 – Bertempat di Auditorium INSPRA PU Kuantan telah berlangsungnya Ceramah Keselamatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Jalanraya bersempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan diraikan tidak lama lagi.

Ceramah pencegahan jenayah telah disampaikan oleh wakil Pegawai polis daripada ibu pejabat polis daerah Kuantan DSP Ajit Singh Khalac manakala ceramah keselamatan jalanraya disampaikan oleh wakil Pegawai JPJ daerah Kuantan, En Wan Arif bin Ismail Pegawai Penguatkuasa JPJ Pahang Bahagian Penguatkuasa.

Diakhir majlis tersebut, turut diadakan sesi penyampaian cenderahati kepada penceramah-penceramah jemputan.



